



(18 Ogos 2022) UTUSAN MALAYSIA - PG

Bahang sambutan merdeka

DATARAN Merdeka yang dahulunya dikenali sebagai Padang Kelab Selangor terletak di pusat pentadbiran lama Kuala Lumpur antara lokasi bersejarah yang amat sinonim dengan kemerdekaan negara.

Di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad inilah, bendera *Union Jack* diturunkan dan bendera Federasi Malaya dinaikkan buat pertama kali pada tengah malam 31 Ogos 1957.

Sejak itu, Dataran Merdeka menjadi tempat perarakan sambutan ulang tahun kemerdekaan Malaysia setiap tahun sejak 1957 sebelum

sambutannya turut diadakan di Putrajaya.

Pelbagai persiapan sedang dibuat di dataran ini menjelang sambutan Hari Kebangsaan 2022 yang bertemakan 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' pada 31 Ogos.

■ PELANCONG dari Itali, Salvatore (kiri) dan pasangannya, Isabel mengambil kesempatan berswafoto ketika mengunjungi Dataran Merdeka, semalam yang bakal menjadi lokasi sambutan Hari Kebangsaan 2022. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN